

20 NOV 2003

Mahathir-Islam

MALAYSIA BUKTIKAN AGAMA ISLAM SUKA PERDAMAIAN

LANGKAWI, 20 Nov (Bernama) -- Orang Islam di negara ini telah membuktikan bahawa agama Islam suka kepada perdamaian serta tidak bermusuhan dengan penganut agama lain, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata ini terbukti apabila orang bukan Islam turut menghadiri majlis berbuka puasa sekaligus menunjukkan kepada penganut agama lain itu bahawa orang Islam tidak bermusuhan dengan mereka.

"Kita lihat orang bukan Islam yang turut menghadiri majlis berbuka puasa yang dianjurkan seperti di masjid ini dan ia membolehkan mereka memahami tentang ajaran Islam serta tidak mempunyai perasaan curiga terhadap orang Islam," katanya semasa berucap pada majlis berbuka puasa di masjid lama Ulu Melaka, di sini, hari ini.

Bekas Perdana Menteri itu berkata orang Islam suka kepada perdamaian malahan tiada sebab bagi orang Islam bermusuhan dengan penganut mana-mana agama, selagi penganut agama lain itu tidak memerangi umat Islam.

Beliau berharap perpaduan yang ditunjukkan oleh rakyat pelbagai kaum dan agama itu dikekalkan bagi memastikan negara ini terus aman dan makmur.

Pada majlis berkenaan, isteri Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut menyampaikan bantuan kepada 16 ibu tunggal dan warga tua yang disumbangkan Badan Amal Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti).

Dr Mahathir yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi pada pukul 1.30 petang ini telah melawat projek pembangunan Telaga Harbour Park di Pantai Kok dan kemudian menaiki kapal layar yang bernama "Obsession" ke Royal Langkawi Yatch Club di Kuah.

Selepas itu beliau melawat Galeria Perdana yang merupakan tempat pameran barangan cenderahati yang diterima Dr Mahathir sepanjang menyandang jawatan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MZM PR